



## SIARAN MEDIA

### **95.7% PELATIH, BEKAS PELATIH SETUJU PROGRAM PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT (PKM) BERKESAN**

**SEBUYAU, 27 MAC** – Kajian Keberkesanan Program Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Dalam Kalangan Pesalah Muda yang dijalankan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2013 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya seramai 95.7% pelatih dan bekas pelatih yang menjadi responden kajian bersetuju bahawa program dan aktiviti PKM adalah berkesan.

Menurut Menteri, YB Dato Sri Rohani Abdul Karim, program ini telah memberi peluang kepada mereka untuk memperbaiki diri daripada terjerumus semula kepada masalah yang melibatkan kesalahan perundangan serta memberi input penting kepada Pesalah Muda dalam membentuk jati diri positif dan nilai-nilai murni.

“Bagi memperkukuhkan lagi keupayaan dalam melaksanakan PKM ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah pun membangunkan Modul Pelatih PKM yang telah disusun rapi bagi memastikan pelaksanaan aktiviti mengikut teras asas PKM iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan,” katanya kepada pemberita di Majlis Perasmian Penutup Program Juh Begumpoi! Kasih@PKM Berambek di Buyo.

Tambah Rohani lagi, modul tersebut seterusnya akan dijadikan panduan pelaksanaan PKM dalam proses pemulihan Pelatih PKM yang lebih mantap.

Tinjauan rambang yang dijalankan terhadap 608 orang bekas pelatih pula mendapati seramai 381 kes telah berjaya mendapatkan 7 pekerjaan di pelbagai sektor, 22 kes telah berjaya melanjutkan pelajaran, 72 kes menganggur manakala 133 kes gagal dikesan.

“Ini menunjukkan 62% bekas pelatih PKM telah berjaya mempunyai pekerjaan tetap manakala 3.4% pula melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah melibatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Tempatan sebanyak 7 kes,” katanya lagi.

“Dalam program peningkatan kerjaya pula seperti keusahawanan, sehingga Jun 2015 seramai tujuh (7) orang pelatih PKM telah diberikan bantuan geran pelancaran dalam pelbagai bidang keusahawanan termasuklah pemasangan

“tile”, pendawaian elektrik, menjahit sofa dan langsir serta perniagaan salon rambut,” katanya.

Antara perancangan lain yang telah disusun adalah untuk menjadikan peserta ini sebagai peserta 1AZAM KPWKM yang mana bantuan akan diberikan bagi menjalankan perniagaan seperti peralatan kedai makanan, peralatan mencuci kereta serta beberapa pakej yang bersesuaian dengan peserta,” katanya lagi.

“Saya berharap agar jalinan baik yang wujud pada program selama dua (2) hari ini dapat diteruskan dan sentiasa memberi peluang yang kedua kepada para pesalah muda dalam menyokong usaha mereka untuk mencapai sinar baharu dalam kehidupan mereka,” tegasnya lagi.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Datuk Haji Julaihi Narawi, ADUN N.22 Sebuyau, YBhg Puan Noormah Dato Hj Abd Rauf, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM, YBrs Encik Che Samsuzuki Che Noh, Pengarah Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat JKM, YBrs Tuan Haji Abg Shamsudin Abg Seruji, Pengarah JKM Negeri Sarawak, Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM dan JKM.

\*\*\*\*

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6,9-18,  
No. 55,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya.  
No. Telefon : 03-83231656  
Tarikh dikeluarkan : 27 Mac 2016